



**TEKS UCAPTAMA NAIB CANSOLOR**

**UNIVERSITI PERTAHANAN NASIONAL MALAYSIA**

**DATARAN UPNM**

**26 JULAI 2010**

TEKS UCAPTAMA NAIB CANSELOR UPNM

BISMILLAHI-RAHMAN-NIR-RAHIM

TERLEBIH DAHULU, MARILAH KITA MENADAH TANGAN MEMOHON KEAMPUNAN DAN KESYUKURAN KE HADRAT ILLAHI KERANA DENGAN IZINNYA DAPAT KITA BERSAMA-SAMA HADIR DI MAJLIS INI. SELAWAT DAN SALAM KE ATAS JUNJUNGAN BESAR KITA NABI MUHAMMAD SAW SERTA PARA ANBIA DAN UMAT-UMATNYA, SEMOGA PERHIMPUNAN INI DIBERKATI, DIRAHMATI DAN RITUAL INI JUGA AKAN DIANUGERAHKAN KEKUATAN, SEMANGAT DAN MENCERNA MINDA INTELEK UNTUK MELAHIRKAN KECEMERLANGAN.

INSYAALLAH,

TIMBALAN-TIMBALAN NAIB CANSELOR,  
PENOLONG-PENOLONG NAIB CANSELOR,  
KOMANDAN  
PEGAWAI-PEGAWAI UTAMA UNIVERSITI,  
PROFESOR-PROFESOR,  
DEKAN-DEKAN,  
PEGAWAI MEMERINTAH DAN PEMERINTAH  
KETUA-KETUA JABATAN,  
PARA PENSYARAH, STAF PENGURUSAN DAN PENTADBIRAN,  
MAHASISWA KADET DAN AWAM SERTA

TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN  
HADIRIN YANG SAYA HORMATI SEKELIAN

ASSALAM-MUALAIKUM-WBT, *GOOD MORNING* DAN SALAM SATU UPNM.

DI KESEMPATAN INI, SAYA INGIN MERAKAMKAN UCAPAN PENGHARGAAN DAN TERIMA KASIH, KEPADA PUCUK PIMPINAN KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI DAN KEMENTERIAN PERTAHANAN MALAYSIA SERTA KEPADA MEREKA YANG BERKENAAN, KERANA, MEMBERI KEPERCAYAAN DAN KEYAKINAN KE ATAS SAYA UNTUK MENERAJUI UNIVERSITI PERTAHANAN NASIONAL MALAYSIA. SESUNGGUHNYA, PENGHORMATAN INI MERUPAKAN SATU AMANAH YANG BESAR DAN INSYAALLAH AKAN SAYA LAKSANAKANNYA SEBAIK MUNGKIN YANG SAYA MAMPU.

TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN,

DI DALAM UCAPTAMA INI SAYA BERHASRAT UNTUK MENYALURKAN PEMIKIRAN DAN FIRASAT SAYA SECARA UMUM. SAYA MENANGGUNG HARAPAN AGAR UPACARA UCAPTAMA INI MAMPU MENGHASILKAN SATU RITUAL YANG BERMAKNA. BICARA YANG INGIN SAYA WADAHKAN PADA HARI INI ADALAH PERIHAL ``MELESTARIKAN SANGGA INTELEK`` YANG INTISARINYA MERANGKUMI ASPEK-ASPEK BERIKUT:

PERTAMA:

KEPENTINGAN MENGHAYATI DAN MELAKSANAKAN 4 TONGGAK UTAMA SEPERTI YANG DISARANKAN OLEH YAB PERDANA MENTERI.

KEDUA:

SANGGA KESINAMBUNGAN DASAR SEDIA ADA.

KETIGA:

SANGGA ASPEK-ASPEK PENGURUSAN TERUTAMA PERIHAL KEPANTASAN MEMBUAT KEPUTUSAN SERTA PELAKSANAAN KERJA KE ARAH PEWUJUDAN ``BOUTIQUE UNIVERSITY``.

KEEMPAT:

SANGGA MENGOPTIMUM POTENSI SUMBER MANUSIA.

DAN KELIMA:

SANGGA ETOS KEPIMPINAN KEPAHLAWANAN.

ASPEK PERTAMA: KEPENTINGAN MENGHAYATI DAN MELAKSANAKAN 4 TONGGAK UTAMA YANG DISARANKAN OLEH YAB PERDANA MENTERI.

SEBELUM SAYA MEMBICARAKAN ASPEK-ASPEK DOMESTIK, MARILAH KITA MELIHAT AGENDA NASIONAL KERANA IANYA MERUPAKAN PANDUAN DAN AMALAN YANG PERLU KITA TERAPKAN DI DALAM ORGANISASI KITA.

TONGGAK PERTAMA:

RAKYAT DIDAHULUKAN, PENCAPAIAN DIUTAMAKAN.

TONGGAK KEDUA:

PROGRAM TRANSFORMASI KERAJAAN *TOWARDS EFFICIENCY, EFFECTIVENESS AND GOOD WORKING ETIQUETTE.*

TONGGAK KETIGA:

MODEL EKONOMI BARU.

DAN TONGGAK KEEMPAT:

MENGAMALKAN LANGKAH-LANGKAH PENJIMATAN SEIRING DENGAN PERKEMBANGAN EKONOMI.

KEMPAT-EMPAT TONGGAK INI MEMPUNYAI ERTI KATA YANG TERSENDIRI DAN IANYA HARUS DITRANSFORMASIKAN SEBAGAI DASAR DI PERINGKAT UPNM DAN DILAKSANAKAN SEBAIK MUNGKIN. SAYA SEDIA MAKLUM PERKARA INI TELAH DIBICARAKAN SECARA TERPERINCI DENGAN PENATARAN YANG KOMPREHENSIF DAN LANGKAH-LANGKAH POSITIF TELAH TERENCANA BAGI MENGIMPLIMENTASIKAN HASRAT YAB PERDANA MENTERI INI.

SELARAS DENGAN DASAR INI, PROGRAM 1 UPNM TELAH PUN DIGARAP DAN DILANCARKAN DAN YANG PASTI,PROGRAM INI BERTEPATAN DAN SELARAS DENGAN TUNTUTAN KERAJAAN. APA YANG PERLU DILAKUKAN ADALAH, MERPERTEGUH, MENGHAYATI DAN MEREALISASIKAN PERANCANGAN YANG DIFORMULASIKAN.

SAYA JUGA INGIN MENINGATKAN BAHAWA PENUBUHAN DAN KEWUJUDAN UNIVERSITI PERTAHANAN NASIONAL INI, ADALAH HASIL DARI ASPIRASI DAN VISI YANG AMAT BERHORMAT PERDANA MENTERI DATO` SERI MOHD NAJIB TUN ABDUL RAZAK, SEMESTINYA IA JUGA MERUPAKAN SATU AGENDA NEGARA, YANG PERLU KITA DUKUNG BERSAMA. JIKA KITA GAGAL MENJADIKANNYA SATU REALITI MAKA INI JUGA BERERTI KITA MENGGAGALKAN ASPIRASI PERDANA MENTERI DAN JUGA ASPIRASI NEGARA KITA MALAYSIA.

ASPEK KEDUA: SANGGA KESINAMBUNGAN DASAR-DASAR YANG SEDIA ADA.

KEWAJIPAN, MARUAH, INTEGRITI MERUPAKAN ETOS KERAMAT KEPIMPINAN KEPERWIRAAN YANG WAJIB DIPERKASA DAN DIBUDAYAKAN. IA BUKAN HANYA SEKADAR SATU SLOGAN UNTUK MENJADI KEBANGGAAN DIPAMERKAN PADA LAMBANG DAN GERBANG UTAMA MENARA GADING INI.

MOTO SEHARUSNYA MENJADI IMEJ DAN IDENTITI SEMUA WARGA UPNM SAMADA SISWA ATAU GRADUAN, PENSYARAH-PENSYARAH,STAF-STAF PENGURUSAN,PENTADBIRAN DAN SOKONGAN,PEGAWAI-PEGAWAI DAN PENYANDANG JAWATAN UTAMA UNIVERSITI INI, MAHU PUN DIRI SAYA SENDIRI.

SAYA BERPENDIRIAN BAHAWA MELAHIRKAN PEMIMPIN BERINTELEKTUAL SEBAGAI ``*KEY PERFORMANCE INDICATOR*`` UTAMA BAGI KITA SEMUA. YANG JELAS,IA MEMERLUKAN KEPERIHATINAN DAN KOMITMEN DARI SEMUA PIHAK DALAM KERANGKA SIFAT KERJASAMA BERPASUKAN, TIDAK MENGIRA PANGKAT ATAU JAWATAN, AWAM ATAU TENTERA,DALAM ERTIKATA PEPATAH MELAYU BERAT SAMA DIPIKUL,RINGAN SAMA DIJINJING. ``*IT IS NOT A ONE MAN SHOW, IT IS A TEAMWORK EFFORT*``.

SELAIN DARIPADA ITU,`RANCANGAN STRATEGIK 2009-2014 UPNM MERUMUSKAN ``*CREATING A FUTURE OF EXCELLENCE*`` SEBAGAI *KPI* BAGI MEMENUHI KEPERLUAN *STAKE HOLDER* KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI, MEREALISASIKAN RANCANGAN STRATEGIK PENGAJIAN TINGGI,YANG SELARAS DENGAN KEPERLUAN *STAKE HOLDER* KEMENTERIAN PERTAHANAN.

DALAM PERSPEKTIF INI ``*EXCELLENCE*`` ATAUPUN KECEMERLANGAN MERUPAKAN PENANDA ARAS DAN UKURAN PRESTASI *KPI*. APA YANG INGIN SAYA SAMPAIKAN KEPADA TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN ADALAH BETAPA PENTINGNYA UNTUK MEMBERI PERHATIAN KEPADA KEPERLUAN BAGI MENCAPAI UKURAN PRESTASI INI,.....

KERANA IA MERUPAKAN AGENDA UTAMA PENILAIAN KERAJAAN DAN *STAKE HOLDER*, JUGA UKURAN PRESTASI INI MENJADI EVALUASI DAN PEMANTAUAN BERTERUSAN AGENSI-AGENSI PENILAI SEPERTI *CAP* DAN *MQA*.

BEGITU JUGA DENGAN ASPEK-ASPEK MEREALISASIKAN VISI, MISI DAN OBJEKTIF UPNM. PENGHAYATAN DALAM ERTI KATA YANG SEBENAR-BENARNYA AMATLAH KRITIKAL, DUKUNGAN YANG TIDAK BERBELAH BAGI DENGAN KEUTAMAANNYA MENGATASI KEPENTINGAN-KEPENTINGAN DIRI DAN RAS AMATLAH DITUNTUT.

JIKA APA YANG DIWADAHKAN INI TIDAK DIBUDAYAKAN, TIDAK MENJADI PERHATIAN UTAMA DAN KEPEKAAN DI KALANGAN KITA SEMUA, MENARA GADING INI BAKAL MENJADI GAJAH PUTIH DAN RANCANGAN STRATEGIK, MOTO, MISI, VISI, OBJEKTIF DAN ASPIRASI *VIS-A-VIS* UPNM, AKAN MENJADI SATU RETORIK YANG PASTI AKAN DIPERSENDAKAN.

WALAUPUN UNIVERSITI PERTAHANAN NASIONAL MALAYSIA BARU SETAHUN JAGUNG USIANYA. DI KALANGAN KITA TERDIRI DARI INSAN-INSAN ELIT YANG BERPENGALAMAN, YANG DIPILIH DALAM JURUSAN YANG TERSENDIRI, DENGAN KREDIBILITI DAN KEISTIMEWAAN, YANG DIYAKINI DAN DIPERCAYAI OLEH PUCUK PIMPINAN TERTINGGI PEMERINTAHAN, SAMA ADA KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI MAHUPUN KEMENTERIAN PERTAHANAN. KITA DI AMANAHKAN UNTUK MEMUPUK DAN MENGHASILKAN GRADUAN PEMIMPIN INTELEK MASA DEPAN NEGARA.

KOMBINASI AKADEMIA AWAM DAN TENTERA SERTA PENGAJIAN AKADEMIK YANG DISULAMI LATIHAN KETENTERAAN MERUPAKAN SATU KEUNIKAN YANG TIDAK TERDAPAT DI MANA-MANA MENARA GADING YANG LAIN KECUALI, DI UNIVERSITI PERTAHANAN NASIONAL MALAYSIA. DALAM PERSPEKTIF INI, SAYA YAKIN DAN OPTIMIS DENGAN KEKUATAN BARISAN ELIT YANG ADA INI, PERSPEKTIFNYA AMAT MENYAKINKAN DAN BERPOTENSI MENEMPA KEUNGGULAN.

SAYA BEGITU KAGUM DAN BERSYUKUR KERANA RANGKA PENUBUHAN, PROGRAM, DASAR DAN RANCANGAN STRATEGIK UPNM YANG SEDIA ADA, TELAH DIGARAPKAN DENGAN BEGITU MANTAP DAN KOMPREHENSIF. SAYA BERCADANG UNTUK MENERUSKANNYA DEMI KESINAMBUNGAN PERANCANGAN YANG TELAH DIFORMULASIKAN. DENGAN NASIHAT DAN TIMBANG-TARA TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN, SAYA PERCAYA KITA SEMUA MAMPU MENEMPA KEJAYAAN.

SUNGGUH PUN MASA YANG DINAMIK ITU KADANG KALA MEMAKSA PERUBAHAN BERLAKU DAN MENGANJAK PARADIGMA PEMIKIRAN KITA. JIKA IANYA PERLU BERLAKU, BIARLAH IA TERCETUS BUKAN EKORAN KEPINCANGAN ATAU KETIDAKUPAYAAN MANUSIA MERPERKOTAKAN PERENCANAANNYA. BIARLAH PERUBAHAN DAN ANJAKAN PARADIGMA ITU BERLAKU UNTUK REVOLUSI DAN EVOLUSI PENAMBAHBAIKAN `` *NOT BY ACCIDENT*`` ATAU SEKADAR `` *ITS TIMED TO CHANGE*``.

SAYA JUGA AMAT PEKA PERIHAL RINTANGAN KEPADA PERUBAHAN. IANYA AMAT KRITIS SEPERTI MANA RENCAH PEMIKIRAN CARL POPPER DAN THOMAS KUHN MAHU PUN PENDAPAT IMAM GHAZALI, HAMBALI, MALIKI DAN SHAFIEE. ISU-ISU IDEALIS *VIS-À-VIS* REALIS KERAP KALI MENJADI PUNCA PERBALAHAN SENGIT DALAM MENANGANI PERUBAHAN.

SUNGGUH PUN DEMIKIAN, SAYA OPTIMIS BAHAWA TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN ADALAH CENDIKIAWAN YANG BERPEMIKIRAN RASIONAL, BERMORAL DAN BERETIKA DENGAN NILAI-NILAI KETIMURAN, KERANA SEGALA PERMASALAHAN DAN PERUBAHAN INI, AKAN KITA DASARKAN HASIL DARI MESYUARAH, MUAFAKAT DAN KONSENSUS.

NAMUN DEMIKIAN SAYA BERHARAP APABILA KEPUTUSAN TELAH DICAPAI IANYA AKAN DIABSAHKAN DAN DITERIMAPAKAI OLEH SEMUA SECARA IKHLAS DAN TAAT SETIA.

KETIGA :

SANGGA ASPEK-ASPEK PENGURUSAN TERUTAMA PERIHAL KEPANTASAN MEMBUAT KEPUTUSAN SERTA PELAKSANAAN KERJA KEARAH PEWUJUDAN *``BOUTIQUE UNIVERSITY``*. ASPEK PENGURUSAN YANG INGIN SAYA TAMPILKAN DALAM BICARA UCAPTAMA INI ADALAH MENGENAI KEPANTASAN MEMBUAT KEPUTUSAN YANG BETUL DIDALAM SITUASI KRITIKAL DAN PELAKSANAAN KERJA YANG TERANCANG DAN TERKORDINASI. ELEMEN-ELEMEN INI HARUS MENJADI BUDAYA DAN AMALAN SETIAP STAF UPNM.

IANYA SELARAS DENGAN WADAH DAN SARANAN YAB PERDANA MENTERI YANG MAHUKAN PENJAWAT AWAM MENGAMALKAN SIFAT-SIFAT SEPERTI BERIKUT:

PERTAMA :

*``EXCELLENCE SHOULD BE PRACTICED AT ALL TIME,SEPERTIMANA SIFAT KIASU (FEAR OF LOSING) YANG DIAMALKAN DISINGAPURA.*

KEDUA:

MELETAKKAN BAKAL GRADUAN ATM  
SEBAGAI YANG TERBAIK DALAM SETIAP BIDANG, AGAR KATA-KATA:

*``1<sup>ST</sup> CLASS FORCES WITH 3<sup>RD</sup> CLASS MENTALITY``* DIHINDARKAN.

KETIGA:

JUGA MEMASTIKAN BAKAL GRADUAN YANG AKAN MENJAWAT JAWATAN PEMIMPIN ATM, DI SEKTOR AWAM DAN SWASTA, MERUPAKAN PEMIMPIN ELIT DI DALAM KLASNYA.

DAN AKHIRNYA KEEMPAT:

MEMERTABATKAN DAN MELETAKKAN BAKAL GRADUAN UPNM DI LANDASAN YANG KUKUH, SETARAF DENGAN PEMIMPIN ANGKATAN TENTERA, PENJAWAT AWAM DAN SWASTA, NEGARA-NEGARA MAJU SEPERTI AMERIKA SYARIKAT, AUSTRALIA, UNITED KINGDOM, JEPUN DAN PERANCIS.

SISWA DAN PENSYARAH MERUPAKAN PELANGGAN DOMESTIK YANG MESTI DIBERI PERHATIAN UTAMA DI SAMPING KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI DAN KEMENTERIAN PERTAHANAN SEBAGAI PELANGGAN UTAMA ATAU DALAM KATA LAIN *``PRINCIPLE STAKE HOLDERS``*. PERKHIDMATAN KITA PERLU MENCAPAI TAHAP KEPUASAN HATI MEREKA.

DI SINI SAYA INGIN MENEGASKAN BAHAWA ASPEK INI PERLU DIBERI TUMPUAN MENGIKUT KEUTAMAAN YANG SEWAJARNYA OLEH KUMPULAN PENGURUSAN DAN PEMERINTAHAN UNIVERSITI. BAGI PELANGGAN DOMESTIK KEUTAMAANNYA ADALAH MAHASISWA DIKUTI PENSYARAH DAN SETERUSNYA STAF SOKONGAN DAN PENGURUSAN. MEMASTIKAN PENYEDIAAN PERSEKITARAN YANG KONDUSIF BAGI MENGOPTIMUMKAN PROSES PEMBELAJARAN SISWA-SISWA ADALAH KUALITI YANG SAYA TUNTUT. MANAKALA PENSYARAH-PENSYARAH PULA SEMESTINYA MENERIMA HAK MENGIKUT PERUNTUKAN, DAN PELANGGAN LUARAN PULA ATAU ``*PRINCIPLE STAKE HOLDERS*``, DIBERI KEUTAMAAN YANG SEIMBANG DAN SEGALA USAHA DIPACU KE ARAH MENEPATI KEPUASAN HATI PELANGGAN INI.

SUNGGUH PUN DEMIKIAN MEMENUHI KEPUASAN HATI PELANGGAN DOMESTIK, PERKHIDMATANNYA BUAT MASA INI, MESTILAH BERLANDASKAN `NEED BASIS` DAN BUKANNYA `WANT BASIS`. SEMUA INI PERLU DIRANCANG DENGAN TELITI DAN SEMESTINYA MENDOKONG VISI, MISI DAN WAWASAN UNIVERSITI. SELAGI KEPERLUAN MAHASISWA DAN PENSYARAH TIDAK DIPENUHI, STAF PENGURUSAN DAN JAWATAN UTAMA UNIVERSITI, AKAN BERUSAHA UNTUK MEMENUHI KEPERLUAN TERSEBUT SEBELUM MELIHAT KEPADA KEPERLUAN-KEPERLUAN LAIN.

DALAM PERSPEKTIF INI, SAYA MEMOHON KEPADA YANG BERKENAAN UNTUK MEMBERIKAN SAYA SEDIKIT RUANG DAN MASA, UNTUK MEMASTIKAN IANYA DIREALISASIKAN DAN DIIMPLIMENTASIKAN.

SAYA SEDAR BAHAWA DI UNIVERSITI INI WUJUD *MANAGEMENT GURU* DAN JUGA SISTEM PENGURUSAN YANG TERKINI. UPNM JUGA TELAH DIAKREDITASIKAN DENGAN MS ISO 9001:2008 OLEH *LLYOD'S REGISTER QUALITY ASSURANCE*, DI BAWAH PIAWAIAN *UKAS QUALITY MANAGEMENT*. HAKIKAT INI MELAMBANGKAN KUALITI DAN PRESTASI PENGURUSAN UPNM MAMPU SETANDING DENGAN AKREDITASI DAN PENANDA ARAS YANG TELAH DIANUGERAHKAN.

BERTERASKAN PENGIKTIRAFAN INI, KEPANTASAN KERJA DAN KREDIBILITI MEMBUAT KEPUTUSAN SERTA MELAKSANAKAN TUGASAN DENGAN EFEKTIF TANPA RAGU IA SEMESTINYA TIDAK BOLEH DIPERSOALKAN KREDIBILITINYA. AKREDITASI INI JUGA MENJAMIN BAHAWA TIDAK AKAN BERLAKU KELEWATAN ATAU KEKHILAFAN ATAS SEBAB-SEBAB KARENAH BIROKRASI PENGURUSAN KERANA TELAH WUJUD PIAWAIAN KUALITI, PROSES DAN PROSEDUR-PROSEDUR, YANG TELAH DIPERAKUKAN EFISIEN DAN BERKUALITI DI UNIVERSITI INI.

SEPERKARA LAGI PERIHAL PENGURUSAN DOMESTIK ADALAH MENGENAI PENGURUSAN KONTRAK. AMALAN `FRAGMENTED` DALAM URUSAN PENGURUSAN KONTRAK MESTILAH DIHINDARKAN, SELAIN DARI MENGAWAL PERBELANJAAN SECARA BERHEMAMAH, SEMUA PIHAK PERLU WARAS DAN MENGAMALKAN ``*BUY THINGS VALUE FOR MONEY*`` DAN JUGA MEMASTIKAN ``*OVERLAPPING PROCUREMENT*`` TIDAK BERLAKU.

SELARAS DENGAN MATLAMAT UNTUK MENJADIKAN UNIVERSITI PERTAHANAN NASIONAL MALAYSIA SEBAGAI SEBUAH ``*BOUTIQUE UNIVERSITY*`` DAN ``*LEADING DEFENCE UNIVERSITY IN THE REGION*`` LANGKAH PERLU DIMULAKAN DENGAN PEMANTAPAN ASPEK-ASPEK PENGURUSAN SUMBER MANUSIA, MATERIAL DAN LOGISTIK. SETERUSNYA, PENERAPAN

KEUNGGULAN DAN PROFESSIONALISME, DIUSAHAKAN BAGI MEWUJUDKAN SITUASI UNIVERSITI INI MENJADI PENANDA ARAS: `BOUTIQUE` KEPADA INSTITUSI-INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI SEBAGAI PILIHAN UTAMA DIBIDANG KEPEMIMPINAN; SEBAGAI `CENTER OF LEADERSHIP EXCELLENCE` BAGI PENUNTUT CEMERLANG DALAM DAN LUAR NEGARA, DAN ``LEADING DEFENCE UNIVERSITY IN THE REGION``.

USAHA INI JUGA SELARAS DENGAN PERKEMBANGAN PENGANTARABANGSAAN UPNM YANG MANA UPNM AKAN MENGAMBIL SISWA-SISWA ANTARABANGSA DARI NEGARA-NEGARA REGIONAL PADA TAHUN HADAPAN DAN SETERUSNYA EXTRA REGIONAL KEMUDIANNYA.

ASPEK KEEMPAT: MENGOPTIMUM POTENSI SUMBER MANUSIA

KAJIAN PROFESOR HOWARD GARDNER DARI *HARVARD SCHOOL OF EDUCATION, HARVARD UNIVERSITY*, MENAMPILKAN BAHAWA SEMUA MANUSIA MEMILIKI KEPELBAGAIAN KEPINTARAN (*NUMEROUS AUTONOMOUS INTELLIGENCE*) TIDAK HANYA TERHAD KEPADA SATU KECERDIKAN SAHAJA (*A SINGLE INTELLIGENCE*).

BERDASARKAN TEORI INI SAYA YAKIN DAN PERCAYA SISWA-SISWI UPNM YANG DIPERLUKAN MENGUASAI AKADEMIK DI SAMPING MENGUASAI ILMU KETENTERAAN BERADA DI LANDASAN YANG BETUL.

SESUNGGUHNYA SIFAT-SIFAT SEORANG PEMIMPIN TIDAK HANYA DIJURUSKAN KEPADA ASPEK MENTAL SAHAJA, BAHKAN MELIPUTI ASPEK FISIKAL DAN SPIRITUAL. OLEH ITU SEGALA USAHA PERLU DILAKSANAKAN AGAR SISWA-SISWI LEPASAN UPNM SEORANG INSAN BUKAN HANYA INTELEK DALAM ASPEK AKADEMIK BAHKAN GAGAH FISIKALNYA, UNGGUL DI DALAM SUKAN DAN MEMPUNYAI KEKUATAN SPIRITUAL YANG MAPAN. DALAM ERTI KATA LAIN GRADUAN YANG BERKUALITI ``*HOLISTIC AND ALL ROUNDED*``.

USAHA KE ARAH PENCAPAIAN INI TIDAK AKAN BERHASIL, JIKA TIDAK ADA KOMITMEN MENYELURUH DARI PARA AKADEMIK, PENTADBIR DAN PENGURUSAN UNIVERSITI YANG MENERAPKAN PENDEKATAN SEIMBANG DALAM ERTI KATA SAMA-SAMA TURUT TERLIBAT TURUN PADANG SEBAGAI MENTOR MENGIKUTI PERKEMBANGAN SISWA SECARA TERPERINCI DAN PERIBADI. SAYA MELIHAT WUJUD JURANG YANG LUAS DAN AMAT PERLU IANYA DIRAPATKAN, DIISI DAN DIMANTAPKAN.

ASPEK KELIMA: ETOS KEPIMPINAN KEPAHLAWANAN

SAYA PERCAYA KITA SEMUA MEMPERAKUKAN BAHAWA MALAYSIA SEBAGAI SEBUAH NEGARA YANG MERDEKA DAN BERDAULAT MEMERLUKAN SISTEM PERTAHANAN MODEN, PROFESIONAL DAN GAGAH DEMI MEMASTIKAN KESELAMATAN DAN KEAMANANNYA TERJAMIN. DALAM SITUASI SPESIFIK ANGKATAN TENTERA DAN ORGAN-ORGAN DUKUNGANNYA DIPERLUKAN UNTUK MENANGANI ANCAMAN, PENCEMARAN KEAMANAN, KEGANASAN ATAU DALAM KATA LAIN MENANGANI KONFLIK DAN BERPERANG.

DALAM SITUASI INI, BEBAN TUGAS TIDAK HANYA DIDUKUNG OLEH ATM, MALAH SELURUH NEGARA AKAN TURUT TERLIBAT. HAKIKATNYA, IA MEMERLUKAN KOMITMEN YANG MENYELURUH DARI SEMUA RAKYAT MALAYSIA, YANG TURUT SAMA TERLIBAT, SEPERTI APA YANG TERKANDUNG DI DALAM KONSEP HANRUH ATAU PERTAHANAN MENYELURUH.

UPNM YANG MERUPAKAN AGENSI UTAMA NEGARA BAGI MENGHASILKAN PEMIMPIN SAMA ADA DIBIDANG PERTAHANAN MAHU PUN SEKTOR AWAM ATAU SWASTA TELAH DIBERI AMANAH BAGI MENGHASILKAN PEMIMPIN YANG SANGGUP MENGORBANKAN HAK PERIBADINYA UNTUK HIDUP DEMI KEPENTINGAN NEGARA, UNTUK MENGHASILKAN PEMIMPIN YANG SEBEGINI, SESEORANG INSAN ITU PERLU MEMILIKI DAN MEMBUDAYAKAN DIRINYA DENGAN KUALITI KEPIMPINAN YANG MANTAP.

KUALITI YANG MURNI INI AZALINYA BERSANDARKAN KEPADA KEWUJUDAN SIFAT-SIFAT MENGHORMATI DAN MEMBUDAYAKAN ETOS KEPAHLAWANAN SEBAGAI GAYA HIDUP, TANPANYA ADALAH SUKAR SESEORANG ITU AKAN SANGGUP MENGORBANKAN NYAWA DAN JIWA RAGANYA SEMATA-MATA DEMI MEMPERTAHKAN NEGARA.

ETOS KEPAHLAWANAN MENEKANKAN NILAI-NILAI ASAS KEWAJIPAN, MARUAH DAN INTEGRITI YANG MERUPAKAN MOTO UPNM DI SAMPING KEBERANIAN, BERDIKARI, DISIPLIN DIRI DAN TAAT SETIA. KEPADA RAKYAT JELATA DAN NEGARA MALAYSIA, EKSPEKTASINYA ADALAH LEPASAN SISWA-SISWI UPNM PASTI BERUPAYA DAN BERSEDIA UNTUK BERKORBAN UNTUK MEMPERTAHKAN DAN MENJAGA KEPENTINGAN NEGARA, TIDAK KIRA SAMA ADA MEREKA MENYERTA ATM, SEKTOR AWAM ATAU SWASTA, SETIDAK-TIDAKNYA APABILA MEREKA MENERAJUI ATAU MEMIMPIN SESEBUAH ORGANISASI, MEREKA MAMPU MENAMPILKAN IMEJ DAN KETERAMPILAN NILAI-NILAI UTAMA ETOS KEPIMPINAN KEPAHLAWANAN.

DI UCAPTAMA INI JUGA SAYA INGIN MENYAMPAIKAN PERINGATAN DAN AMARAN KEPADA SEMUA SISWA PERIHAL TANGGUNGJAWAB UTAMA SISWA, ASPEK DISIPLIN IAITU MENDERA ATAU *RAGGING* DAN IMPLIKASI SENGAJA MENGGAGALKAN DIRI UNTUK DIBERHENTIKAN. SUNGGUH PUN PERIHAL TANGGUNGJAWAB UTAMA SISWA SERING DIPERINGATKAN, SAYA TERPANGGIL UNTUK MENGUATKAN LAGI PERIHAL PERKARA INI.

DI SAMPING MEMBUDAYAKAN DIRI DENGAN ETHOS KEPIMPINAN KEPAHLAWANAN, SISWA ADALAH BERTANGGUNGJAWAB UNTUK MENDISIPLINKAN DIRI SEBAGAI '*LEADERS OF CHARACTER*'. SIFAT KECEMERLANGAN MESTI SENTIASA MENJADI MATLAMAT. OLEH ITU SISWA WAJIB MENANGGUHKAH MASA UNTUK BERWISATA ATAU '*TOURING THE UNIVERSITY*' SEMASA MENUNTUT DI UNIVERSITI INI SEHINGGALAH KAMU BERJAYA MENCAPAI KECEMERLANGAN. DIMASA ITULAH WAKTU YANG SESUAI UNTUK SISWA DIRAIKAN DAN MERAYAKANNYA.

ASPEK BERIKUTNYA ADALAH, SALING HORMAT-MENGHORMATI YANG MERUPAKAN AMALAN YANG DITUNTUT OLEH SEMUA PIHAK. OLEH ITU SISWA WAJIB MENGHORMATI DIRI DENGAN IMEJ DAN KETERAMPILAN YANG EKSLUSIF, MENGHORMATI MASA, DENGAN PERANCANGAN YANG TERPERINCI DAN PELAKSANAAN MANTAP, MENGHORMATI RAKAN Taulan DENGAN SEMANGAT *ESPRIT DE CORP*, MENGHORMATI GURU DENGAN DEDIKASI KEATAS ILMU YANG DIPERTURUNKAN, MENGHORMATI JURULatih DENGAN PELAKSANAAN YANG EFISIEN DAN MENGHORMATI UNIVERSITI DENGAN MENJAGA HARTA-BENDA UNIVERSITI DAN MENJADI SISWA YANG DIHORMATI.

DASAR, UNDANG-UNDANG DAN PERATURAN UNIVERSITI MENGHARAMKAN AKTIVITI *RAGGING* ATAU MENDERA DI KALANGAN PELAJAR. '*THERE WILL BE ZERO TOLERANCE ON RAGGING*' SAYA TIDAK AKAN BERTOLAK ANSUR DENGAN SESIAPA YANG TERLIBAT. TINDAKAN YANG SEKERAS-KERASNYA AKAN DIKENAKAN KEPADA MEREKA YANG DIDAPATI

MELAKUKANNYA DAN KAMU AKAN DITAMATKAN PERKHIDMATAN ATAU DIBERHENTIKAN. BERKEMUNGKINAN, DI SAMPING DIBAWA KE MUKA PENGADILAN KAMU AKAN DIHUKUM OLEH MAHKAMAH AWAM.

SEPERKARA LAGI ADALAH ISU SISWA TAHUN AKHIR SENGAJA MENGGAGALKAN DIRI UNTUK DIBERHENTIKAN. SAMA ADA DILAKUKAN UNTUK MENGELAK DARI BERKHIDMAT DI DALAM ATM ATAU UNTUK MENYAMBUNG PELAJARAN DI LUAR UPNM, ATAU SEBAB-SEBAB LAIN. IANYA TIDAK HARUS BERLAKU. SAYA INGIN MENINGATKAN BAHAWA KERAJAAN MALAYSIA TERUTAMA KEMENTERIAN PERTAHANAN DAN PENGAJIAN TINGGI MEMBELANJAKAN WANG RAKYAT BAGI MEMBIAYAI PENDIDIKAN DAN LATIHAN SISWA KADET DAN AWAM UPNM. PURATA ANTARA RINGGIT MALAYSIA 100 HINGGA 150 RIBU DIBELANJAKAN BAGI MENAJA SEORANG SISWA KADET SETAHUN DAN ANTARA RINGGIT MALAYSIA 300 HINGGA 600 RIBU BAGI MENAJA KESELURUHAN PENGAJIAN. TINDAKAN BAYARAN BALIK AKAN DIKENAKAN KE ATAS MEREKA YANG TERLIBAT DAN BERKEMUNGKINAN IBU BAPA ATAU PENJAGA SISWA TURUT SAMA AKAN TERPAKSA MENANGGUNG BEBANAN INI. OLEH ITU SAYA MAHUKAN SEMUA SISWA MEMAHAMI IMPLIKASI DAN RISIKO PERBUATAN INI, SERTA MENGHINDARKANNYA.

PENUTUP

TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN

SEBELUM MENGUNDURKAN DIRI, SAYA INGIN SEKALI LAGI MENZAHIRKAN UCAPAN TERIMA KASIH KEPADA MANTAN-MANTAN NAIB CANSELOR YANG TELAH MENERAJU UPNM, BEGITU JUGA KEPADA TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN YANG TELAH MENGANJURKAN UCAPTAMA HARI INI SERTA HADIRIN YANG HADIR SEKELIAN.

SAYA BEGITU BANGGA DAN BERASA TERISTIMEWA KERANA SAYA DIDAMPINGI OLEH BEGITU RAMAI CENDIKIAWAN, CERDIK PANDAI DI DALAM PELBAGAI BIDANG DAN KEPAKARAN. SAYA PERCAYA DENGAN KREDIBILITI TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN, IANYA PASTI MAMPU MENYUMBANGKAN PEMIKIRAN DAN TENAGA DEMI UNTUK SAMA-SAMA KITA MEMACU UPNM KE ARAH KECEMERLANGAN.

KUNCI KEPADA KEJAYAAN SESEBUAH ORGANISASI BUKAN LAH HASIL PEMIKIRAN DAN TENAGA SESEORANG INDIVIDU SAHAJA, TETAPI HASIL DARI SUMBANGAN SELURUH WARGA ORGANISASI TERSEBUT.

SEBAGAI MENGAKHIRI UCAPTAMA INI, SAYA INGIN MENYAMPAIKAN SEBUAH NUKILAN DARI SEORANG ADI-GURU AGONG SILAM;

KERNA PAKU TAK DIKEMASKAN  
LADAM KUDA MUDAH TERCABUT  
KERNA LADAM KECICIRAN  
KUDA LEPAS LARI BERKELIARAN  
KERNA KUDA KEHILANGAN  
PESANAN TAK DISAMPAIKAN  
KERNA PERUTUSAN TAK KESAMPAIAN  
KITA KALAH PERTEMPURAN

KALAU TAK MAHU KECUNDANG  
KEMASKANLAH PAKU DI LADAM  
SAMPAIKANLAH PESANAN  
AGAR KITA KESAMPAIAN  
MENGIBARKAN PANJI KEMENANGAN

MELESTARIKAN SANGGA INTELEK PERJUANGAN KITA BERSAMA

WABILLAHITAUFIKWALHIDAYAHASSALAMMUWALAIKUMWAROHMATULLAH

KEWAJIPAN MARUAH INTERGRITI